



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN PROJEK PAN BORNEO SARAWAK BAGI JAJARAN BULATAN SERIAN – SIMPANG PANTU

SERIAN – 13 MAC 2016 :- Pakej Jajaran Bulatan Serian – Simpang Pantu sepanjang 75 kilometer merupakan sebahagian daripada pakej yang dilaksanakan di bawah pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1,089 km melalui model *Project Delivery Partner* (PDP).

Pakej ini melibatkan naiktaraf jalan sedia ada dari dua lorong dua hala (*single carriageway*) kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*) termasuklah pembinaan 3 persimpangan bertingkat iaitu di Serian dan Simunjan, 10 jambatan, 1 kawasan hentian yang terletak di Balai Ringin, Serian, 84 hentian bas, 8 jejantas dan 39 pusingan-P. Proses pembinaan pakej ini yang bermula pada Mac 2016 ini dijangka siap pada suku kedua 2020 dan mengambil masa selama 51 bulan.

Projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan jaringan infrastruktur di Sabah dan Sarawak. Kerajaan baru-baru ini telah bersetuju dan memuktamadkan rundingan bagi pembinaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah sepanjang 1,236 km. Apabila siap kelak, Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak ini sepanjang 2,325 km keseluruhannya ini akan menjadi tulang belakang perhubungan dari Sarawak hinggalah ke Sabah.

Pembinaan jajaran ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi, membuka laluan perniagaan baru dan juga peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan secara langsung dan tidak langsung. Pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo juga dijangka akan bertindak sebagai pemangkin perancangan semasa Kerajaan dalam meningkatkan *capacity building* penduduk Sarawak.

Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri akan memainkan peranan yang lebih besar dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk memastikan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo ini dilaksanakan mengikut perancangan. Perkara ini dibuktikan dengan tiada pengurangan peruntukan kewangan untuk projek ini semasa Pengubahsuaian Bajet 2016. Komitmen yang diberikan kerajaan jelas membuktikan bahawa slogan “Janji Ditepati” Kerajaan Persekutuan adalah ikrar yang diambil serius.

1/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Penglibatan masyarakat tempatan Sarawak terutamanya masyarakat Bumiputera sangat digalakkan dalam pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo ini. Sejak dilancarkan tahun lepas, sebanyak 75 syarikat konsultan Sarawak telah terlibat dengan projek ini. Selain itu, Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU) yang dimiliki oleh warga Sarawak secara majoriti telah dilantik bagi menguruskan, melaksanakan proses tender bagi pakej-pakej dalam projek ini dan bertanggungjawab memastikan projek lebuhraya ini disiapkan pada spesifikasi ditetapkan pada kos dan masa yang dipersetujui.

Adalah menjadi sasaran Kerajaan, penduduk Sarawak akan memperolehi *spillover effect* dari rancangan pembangunan Negara dan dimanfaatkan sebaiknya. Pembukaan jajaran Bulatan Serian – Simpang Pantu ini berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi penduduk khususnya di kawasan Serian sehingga ke Pantu serta mewujudkan satu persekitaran yang lebih berdaya saing untuk penduduk di kedua-dua lokasi ini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 MAC 2016

2/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my